

Sekiranya masih mampu tersenyum, mengapa perlu menangis?

Sandainya masih mampu berbahagia, mengapa perlu bersedih?

Mengapa? Sekiranya masih ada masa depan, mengapa masih mengungkit masa lalu?

Masih mampukah menyusun masa depan, mengapa masih terperangkap pada luka masa lalu? Mengapa?

Cuba kamu lihat haiwan-haiwan besar seperti gajah. Mengapa tidak dirantai, sebaliknya hanya diikatkan tali pada kakinya? Sebenarnya mudah sahaja haiwan-haiwan itu melepaskan diri, merasai alam bebas secara nyata, tanpa dikurung dalam cengkaman manusia. Namun, disebabkan sejak kecil lagi haiwan itu sudah diikatkan tali, dididik supaya percaya dengan tali itu tidak mampu melepaskan diri, tidak mampu lari ke mana-mana, hal itu berlanjutan sehingga gajah itu dewasa.

Ini berkaitan penetapan minda (*mindset*). Apabila kita sudah menetapkan fikiran, maka kita akan bertindak seperti apa yang kita fikirkan. Kita ingin mengubah hidup, ubahlah cara kita berfikir dahulu. Fikirkan apa yang kita ingin dapatkan, yakin, kemudian wujudkan semua itu dengan memulakannya.